

ORGANISASI PENGEDARAN DADAH (DTO) DI AMERIKA LATIN: PERBEZAAN TAKRIFAN DAN KESAN KEPADA KESELAMATAN INSAN

(Drug Trafficking Organizations (DTO) in Latin America: Differences Definitions and Human Security Impact)

Azrul Azlan Abdul Rahman & Muhammad Farhan Zulkifli

ABSTRAK

Amerika Latin adalah zon geografi penting bagi pengeluaran dan pengedaran dadah. Negara-negara Andean Colombia, Peru dan Bolivia adalah pengeluar kokain utama di dunia, manakala Amerika Tengah, Mexico dan Caribbean telah menjadi koridor utama untuk mengangkut dadah ke Amerika Syarikat dan Eropah. Akibatnya, negara-negara di rantau ini telah mengalami pelbagai akibat pengedaran dadah dan pembasmian dan penahanan kerja usaha Amerika Syarikat. Di negara-negara pengeluaran, ini termasuk kerosakan alam sekitar dan masyarakat dari pembasmian terpaksa tanaman coca seperti menyembur udara dan pembiayaan kumpulan gerila pemberontak melalui penanaman tanaman haram dan penjualan. Di seluruh rantau ini, dalam kedua-dua pengeluaran dan pengedaran dadah kawasan, telah terdapat peningkatan keganasan, rasuah, sewenang-wenangnya, penghakisan kedaulatan undang-undang, dan pelanggaran hak asasi manusia yang disebabkan oleh kemunculan kumpulan-kumpulan jenayah terancang yang kuat dan kartel dadah.

Katakunci: Dadah, Organisasi Pengedaran Dadah, Amerika Latin, Keselamatan Insan, Narco-Terroris

ABSTRACT

Latin America is a crucial geographic zone for drug production and trafficking. The Andean countries of Colombia, Peru and Bolivia are the world's main cocaine producers, while Central America, Mexico and the Caribbean have become the principal corridors for transporting drugs into the United States and Europe. As a result, the countries of the region have suffered various consequences of drug trafficking and US-led eradication and interdiction efforts. In production countries, these include environmental and community damage from forced eradication of coca crops such as aerial spraying and the funding of guerrilla insurgent groups through illicit crop cultivation and sale. Throughout the entire region, in both drug production and trafficking areas, there has been an upsurge of violence, corruption, impunity, erosion of rule of law, and human rights violations caused by the emergence of powerful organized crime groups and drug cartels.

Keywords: Drugs, Drug Trafficking Organization, Latin America, Human Security, Narco-Terrorists

PENGENALAN

Amerika Latin adalah merupakan kawasan yang amat luas yang bermula dari Mexico hingga ke bahagian selatan iaitu Amerika Tengah dan terus ke selatan meliputi keseluruhan benua Amerika Selatan. Sebanyak 30 buah negara terdapat dalam gugusan Amerika Latin . Kebanyakkannya negara di kawasan tersebut sudah merdeka kecuali beberapa jajahan kecil yang masih lagi dikuasai penjajah. Dari segi sejarahnya kawasan ini adalah jajahan takluk terbesar Sepanyol, Portugis dan Jerman yang menjadi kawasan utama perlombongan seperti emas, perak dan minyak serta pengeluar kayu balak dunia. Ia juga di kelilingi lautan yang kaya dengan hasil laut jadi tidak hairanlah ianya merupakan antara kawasan yang terawal dijajah oleh kuasa besar dahulu iaitu sekitar abad ke 17 lagi. Menurut Jennifer Holmes (2009) terdapat empat isu utama yang mengancam keselamatan di rantau ini iaitu isu dadah, emigrasi, kemiskinan dan konflik sempadan. Memandangkan Amerika Syarikat dari segi geografinya adalah berdekatan maka ramai dari kalangan rakyat dari rantau ini terutamanya dari Amerika Tengah yang terdiri dari negara-negara seperti Guatamala, Colombia dan Bolivia yang berhijrah secara haram ke sana bagi mencari peluang pekerjaan khususnya di bidang pertanian dan pembinaan dan mereka telah menghantar wang ke negara asal yang membantu keluarga mereka di sana. Bagaimanapun akhir-akhir ini Amerika Syarikat telah menguatkuaskan sekatan terhadap buruh asing yang memasuki secara haram ke negara itu dan ini amatlah menyukarkan negara asal pendatang kerana mereka bergantung kepada tukaran wang asing yang dihantar oleh pendatang itu setiap bulan. Mexico menerima USD70 billion tahunan dari rakyatnya yang bekerja di sana, serta akan menimbulkan konflik sosial jika kesemua mereka diarah kembali ke kampong halaman yang selama ini gagal untuk membekalkan pekerjaan. Bagaimanapun Peter Hakim (2006) berpendapat bahawa isu dadah didapati merupakan isu yang paling besar yang boleh mengancam kestabilan rantau itu. Beliau mengatakan bahawa negara-negara di Amerika Latin adalah berisiko tinggi untuk menjadi pusat kegiatan dadah, pengubahan wang haram, dan juga operasi jenayah dan ini akan mengakibatkan kestabilan negara dan insan terancam. Ini kerana jika masalah ini gagal dibendung maka ianya akan menular kesemua negara yang mana akan mengancam keselamatan seluruh negara di rantau itu.

PEMASALAHAN KAJIAN

Semasa kedatangan Sepanyol dalam abad ke 17 ke rantau itu, mereka seperti penjajah-penjajah yang lain telah membawa hasil bumi jajahan takluk ke negara asal. Daun koka telah dibawa balik bagi tujuan kajian kerana mereka teruja dengan keupayaan daun ini bagi mengurangkan rasa lapar serta memberi tenaga untuk menjalankan kerja pertanian dan perlombongan penduduk tempatan. Bagaimanapun hasil dari kejayaan penyelidikan telah menemui bahan dadah dikenali sebagai kokain yang kemudiannya telah diniagakan pada permulaannya sebagai ubat-ubatan sebelum disalahgunakan secara meluas yang seterusnya menjadi satu wabak penagihan ke seluruh dunia (Lynn V. Foster, 2004). Koka yang digunakan sebagai ubatan tradisional telah diglobalisasikan dan disalahgunakan sehingga menjadi ancaman kepada keselamatan insan penduduk negara-negara asal pokok itu sendiri. Berdasarkan Alexander Butchart (2005) berbagai tindakan kerjasama serantau dengan negara jiran telah dibuat bagi mengatasi masalah bersama ini seperti melalui *Organization Of Amerika States* (OAS) yang merupakan organisasi yang dipelopori oleh Amerika Syarikat meliputi semua negara dari Kanada di utara hingga ke selatan merangkumi semua negara di Benua Amerika Selatan. Di samping itu juga terdapat Inisiatif Merida iaitu satu kerjasama antara Amerika Syarikat, Mexico dan semua negara di

Amerika Tengah bagi mengatasi masalah dadah dan jenayah rentas sempadan yang masih berterusan sehingga ke hari ini.

KONSEP KESELAMATAN INSAN

Kajian berhubung dengan permasalahan dadah boleh dilihat dari beberapa isu atau teori besar seperti dari sudut keselamatan negara, kemiskinan, alam sekitar atau pun keselamatan insan. Bagi penulisan ini ianya dikupas dari sudut keselamatan insan iaitu sejauhmana kesannya pada individu warganegara yang berada di rantau itu. Berdasarkan Siti Daud dan Zarina (2005) konsep keselamatan insan adalah merupakan satu pengembangan kefahaman tentang keselamatan negara. Jika dahulu negara dikatakan selamat jika tiada ancaman dari luar maka berlandaskan perkara yang sama telah didapati terdapat rakyat atau insan manusia yang menderita walaupun negara yang diduduki tiada ancaman dari luar. Penderitaan tersebut di lihat dari 7 faktor iaitu seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 1995 tentang hak asasi manusia iaitu yang berkaitan dengan kecukupan makanan, kesihatan, peluang berpolitik, berekonomi, persekitaran , individu dan komuniti. Ketujuh-tujuh perkara itu menjadi sukanan tentang sejauh mana keselamatan rakyat sesebuah negara itu dikatakan selamat atau sebaliknya. Ini adalah kerana penglibatan dengan kegiatan dadah samada penggunaan dadah atau mengedar dadah adalah salah dan melanggar undang-undang negara serta mengakibatkan kemudaratan kepada kesihatan insan sendiri. Baylis (2008) juga memperkatakan tentang perkara yang sama iaitu konsep keselamatan insan adalah berkisar kepada empat perkara iaitu penolakan kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan insan sebagai indikator utama keselamatan insan, peningkatan terhadap konflik dalam negara, kesan terhadap globalisasi seperti jenayah dan penyakit yang merentasi sempadan dan akhir sekali penekanan terhadap isu hak asasi dan campur tangan kemanusiaan . Empat perkara yang diperkatakan ini menunjukkan bahawa penekanan terhadap tahap kualiti hidup insan telah ditingkatkan dan dititikberatkan dan isunya boleh merentasi sempadan negara berdasarkan semangat sejahtera insan.

ORGANISASI PENGEDARAN DADAH (*DRUG TRAFFICKING ORGANIZATIONS*)

Drug Trafficking Organizations (DTO) atau dalam Bahasa Melayunya Organisasi Pengedaran Dadah ditakrifkan oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat sebagai, "Organisasi yang kompleks dengan struktur perintah dan kawalan yang menghasilkan, pengangkutan, atau mengagihkan kuantiti besar satu atau lebih dadah haram" (Gerardo Caetano, 2005). Kumpulan-kumpulan ini bertanggungjawab untuk sebahagian besar daripada dadah haram memasuki Amerika Syarikat setiap tahun. Matlamat pertubuhan-pertubuhan ini tidak tidak seperti orang-orang perniagaan biasa dengan pendapatan yang dijana melalui penjualan produk dadah. Namun tedapat beberapa takrifan lain mengenai DTO (Tom Diaz, 2009).

MASALAH DENGAN TAKRIF

Perbezaan antara kedua-takrif adalah tidak ketara. Ancaman kepada keselamatan negara di sepanjang sempadan serta antarabangsa tidak sesuai dengan klasifikasi yang telah ditentukan. Revolutionary Armed Forces of Colombia (FARC) yang ditetapkan organisasi pengganas, tetapi mereka telah menentang pemberontakan untuk lebih daripada 40 tahun. Kumpulan pengganas sentiasa berkembang kaedah dan sasaran mereka. Perkara yang sama berlaku dengan Mexican

Drug Trafficking Organizations (DTOs) sepanjang sempadan Amerika Syarikat-Mexico. Jika pergerakan dadah telah beralih dari Caribbean ke Mexico dan Amerika Tengah, situasi di sepanjang sempadan telah berubah. Tahap keganasan telah meningkat dan DTOs telah menjadi lebih canggih menyebabkan keadaan di sepanjang sempadan ke arah perang habis-habisan. Ancaman DTOs sebagai jenayah terancang melemahkan matlamat akhir yang paling adalah berkesan memerangi mereka (Sylvia M. Longmire, 2008).

Terrorisme

Terorisme atau lebih dikenali sebagai pengganas oleh negara-negara Barat terutamanya Amerika Syarikat melabelkan pengganas terhadap umat Islam. Hal ini berikutan dengan tercetusnya 11 September 2001 merupakan punca bagi tindakan Amerika Syarikat terhadap negara-negara Islam dalam mengisyiharkan perang. Bagi rantau Amerika Latin, tidak terkecuali dalam menyatakan bahawa pengganas merupakan isu yang harus ditangani dengan efektif. Dalam konteks negara Mexico khususnya, pengganas dikaitkan dengan mafia-mafia atau kumpulan tertentu yang mempunyai kaitan dalam kesalahan jenayah. Antara kegiatan pengganas di negara Mexico serta meliputi rantau Amerika Latin dan antarabangsa adalah kegiatan dadah, senjata api, penculikan dan sebaginya. Oleh itu, secara keseluruhan dapat dilihat dengan kebangkitan pengganas adalah bermotifkan sesuatu. Hal ini lebih jelas dengan pernyataan yang telah dikeluarkan oleh Mohamed Mustafa Ishak (2005) yang menyatakan bahawa tiga faktor mendorong kumpulan pengganas menjalankan aktiviti ini. Pertama, dalam mencapai matlamat strategi jangka panjang terhadap pihak yang menjadi musuh. Kedua, pengganas juga ingin membuktikan bahawa mereka masih mengawal sesuatu kawasan dan yang terakhir adalah masej mereka dapat disampaikan kepada dunia.

Perbezaan definisi turut dilihat dalam terma-terma terorisme di mana menurut Harun Yahya (2003) dalam bukunya ‘Only Love Can Defeat Terrorism’, menyatakan bahawa terorisme adalah ancaman yang paling suram menjelang dunia abad ke 21. Terorisme melihat tindakan keganasan sebagai satu-satunya cara mencapai tujuan politik. Di mata pengganas, dilema politik dan konflik hanya dapat diselesaikan dengan keganasan. Selain itu, menurut pandangan intelektual ini menyatakan lagi bahawa sebenarnya terorisme berkembang subur di abad moden melalui revolusi Perancis atau nihilisme Rusia abad ke-19.

Narco-terrorism

Istilah Narco-terrorism muncul baru-baru ini. Ia adalah mungkin dicipta oleh bekas Presiden Peru, Belaunde Terry pada tahun 1983 kepada menggambarkan pengganas jenis serangan terhadap pasukan polis. Kemudian, pada tahun 1986, Presiden Ronald Reagan bercakap mengenai Narco-terrorism apabila merujuk kepada hubungan antarabangsa antara pengedaran dadah dan terrorism. Drug Enforcement Administration (DEA) mendefinisikan organisasi Narco-terrorism yang tersusun ialah kumpulan yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti pengedaran dadah untuk meneruskan, atau dana, yang dirancang terlebih dahulu, keganasan bermotifkan politik yang dilakukan terhadap sasaran awam dengan tujuan untuk mempengaruhi iaitu, mempengaruhi kerajaan atau kumpulan tertentu yang berkepentingan (Steven W. Casteel, 2003).

Pemberontakan

Istilah "pengganas" dan "pemberontak" adalah biasa digunakan namun ianya tidak ada maksud yang lebih tepat. Menurut *United State Army Counterinsurgency Manual*, pemberontakan adalah satu pergerakan yang dianjurkan bertujuan untuk menumbangkan kerajaan yang ditubuhkan melalui penggunaan subversif dan konflik bersenjata (Brian Ross & Richard Esposito, 2008). Dinyatakan cara yang lain, pemberontakan dianjurkan, untuk perjuangan politik-ketenteraan yang bertujuan untuk melemahkan kawalan dan kesihihan kerajaan yang ditubuhkan, kuasa menduduki, atau kuasa politik yang lain pada masa yang sama meningkatkan kuasa atau kawalan pemberontak. Matlamat pemberontakan adalah untuk mencabar kerajaan sedia ada untuk mengawal semua atau sebahagian daripada wilayah negara, atau konsesi kuasa politik, Contohnya, berkongsi kuasa politik. Pemberontakan memerlukan sokongan sebahagian daripada rakyat. Aktiviti pemberontakan dan kumpulan pengganas sering bertindih, yang merupakan sebab bagi kekeliruan antara kedua-duanya. Perbezaan utama antara keganasan dan pemberontakan ialah pemberontakan adalah pergerakan bagi usaha politik dengan tujuan tertentu. Perang gerila dan keganasan adalah kaedah yang pemberontakan boleh menggunakan, tetapi pemberontakan tidak semestinya menggunakan keganasan. Pemberontakan tidak selalunya mensasar penduduk awam manakala pengganas tidak membezakan antara pejuang dan penduduk awam dan mereka sebenarnya sering memilih untuk orang awam sebagai sasaran. Orang awam jarang dijadikan sasaran oleh kumpulan pemberontak (Terrorism Research, 2009).

Jenayah terancang

Dari segi sejarah, istilah "jenayah terancang" yang diberikan kepada organisasi seperti *La cosa Nostra* atau Mafia Rusia, dan aktiviti-aktiviti seperti penipuan, pelacuran, dan peras ugut. Hari ini, penjenayah memperlihatkan dirinya dalam cara yang lebih ganas dan awam seperti kartel dadah Mexico dan penguatkuasa mereka. FBI mentakrifkan dianjurkan jenayah sebagai mana-mana kumpulan yang mempunyai beberapa cara struktur dirasmikan dan objektif utama adalah untuk mendapatkan wang melalui aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang.

JENIS KUMPULAN/ KARTEL DADAH

Pemerdagangan Organisasi Dadah (Poly Drug Trafficking Organizations)

Poly Drug Trafficking Organization menyeludup sejumlah besar ganja, heroin, kokain, methamphetamine dan amphetamine ke Amerika Syarikat. Sumber-sumber perisikan menganggarkan bahawa 65 peratus kokain dihantar ke Amerika Syarikat bergerak melalui Amerika Tengah-Mexico, terutamanya oleh kapal-kapal yang beroperasi di Timur Pasifik. Pengedar-pengedar dadah Colombia menggunakan kapal-kapal nelayan untuk mengangkut kokain dari Colombia ke pantai barat Mexico dan Yucatan (Paul Kaihla, 2002). Antara kartel yang termasuk dalam kategori ini adalah Cali Cartel. Cali Cartel adalah kartel dadah yang berpangkalan di selatan Colombia , di sekitar bandar Cali dan Cauca del Valle. Cali Cartel diasaskan oleh saudara-saudara Rodríguez Orejuela, Gilberto dan Miguel, serta syarikat bersekutu José Santacruz Londoño. Kemudian Cali kartel termasuk anak Gilberto Rodriguez Orejuela, Jorge Alberto Rodriguez , serta Helmer Herrera , Jairo Ivan Urdinola Grajales, Julio Fabio Urdinola Grajales, Henry Loaiza Ceballos, Victor Patiño-Fomeque, Phanor Arizabaleta-

Arzayus, Raul Lemos Grajales, Luis Grajales Amir, Bernardo Saenz, Juan Carlos Ortiz Escobar, Javier Marlin Rojas, dan James Andrae. Cali Cartel, bermula dengan mengedar ganja, kemudian beralih kepada kokain kerana senang untuk dihasilkan dan margin keuntungan yang lebih besar. Kartel itu akan diketahui untuk inovasi dalam pengedaran dan pengeluaran dengan menggerakkan operasi penapisan keluar dari Colombia ke Peru dan Bolivia , dan juga untuk merintis laluan penyeludupan baru melalui Panama. Cali Cartel juga mempelbagaikan perdagangan kepada candu dan dilaporkan telah membawa seorang ahli kimia Jepun untuk membantu operasi penapisan itu. Menurut laporan Thomas Constantine kepada Kongres Amerika Syarikat, Cali akan menjadi kumpulan yang dominan dalam pemerdagangan Amerika Selatan heroin kerana akses mereka untuk candu Colombia yang semakin meningkat. Adalah dipercayai pemimpin kartel tidak terlibat dalam perdagangan heroin, namun syarikat-syarikat bersekutu rapat dengan mereka adalah seperti Ivan Urdinola-Grajales. Hubungan mereka, adalah dipercayai, membawa kepada kerjasama dengan pusat pengedaran heroin (Coletta Youngers et al, 2005).

Kumpulan Penyeludupan Sempadan Utara (Northen Border Smuggling Gangs)

North Coast Cartel atau dalam bahasa sepanyol *Cartel de la Costa atau Cartel de la Costa Atlantica* adalah kartel dadah yang beroperasi di utara Colombia. North Coast Cartel kebanyakannya mengawal kawasan pantai Caribbean Colombia dan aliran dari kawasan-kawasan lain Colombia dan negara-negara jiran seta pengeluaran perdagangan dadah tempatan. Pusat operasinya ialah kota Barranquilla. Kumpulan kartel ini diketuai oleh Alberto Orlandez-Gamboa "Caracol" yang dianggap sebagai kejam. Organisasi ini mengeksport sejumlah besar kokain ke Amerika Syarikat dan Eropah melalui laluan penyeludupan yang dikawal dari Colombia North Coast melalui Caribbean. Sebagai ketua organisasi, Gamboa bergantung kepada sekutu rapat beliau untuk menjalankan operasi organisasi. Di samping itu, Berdasarkan maklumat yang diperolehi bahawa pengedar membayar cukai kepada organisasi Gamboa dalam usaha untuk dibenarkan untuk menghantar dadah daripada Pantai Utara. Pengaruhnya di rantau ini adalah begitu kuat bahawa pengedar juga meminta kebenaran sebelum menjalankan pembunuhan atau perniagaan (United States Drug Enforcement Administration, 2003).

Rangkaian Penyeludupan Pendatang Asing (Alien Smuggling Networks)

Penyeludupan pendatang asing dari Amerika Selatan ke Amerika Syarikat adalah perniagaan yang bernilai \$ 300 juta Dollar setahun dan merupakan kedua tertinggi selepas perdagangan dadah Mexico dari segi hasil daripada aktiviti haram. Organisasi jenayah yang terlibat dalam penyeludupan pendatang asing melalui Mexico mengaut keuntungan di seluruh sempadan negara. Berbeza dengan pertubuhan-pertubuhan jenayah antarabangsa yang lain yang menganggap menyeludup pendatang haram adalah sebagai tambahan kepada aktiviti-aktiviti jenayah yang lain, kumpulan-kumpulan penyeludupan pendatang asing biasanya adalah tiada hierarki yang jelas dan lebih bercirikan rangkaian syarikat-syarikat bersekutu untuk memudahkan pergerakan pendatang haram di seluruh wilayah dan benua. Rangkaian-rangkaian biasanya termasuk ejen-ejen tempatan yang merekrut orang yang berminat dengan aktiviti pendatang tanpa izin ke Amerika Syarikat dan di tempat lain dan membawa mereka berlepas bersama-sama; menguruskan proses perjalanan dan mana-mana dokumen perjalanan yang perlu. Syarikat-syarikat bersekutu memberi kumpulan penyeludupan pendatang asing fleksibiliti untuk

cepat dan mudah beralih laluan atau memberi isyarat jika penguatkuasa undang-undang mengganggu operasi mereka. Rangkaian asing penyeludupan termasuk penyeludup dan pengiring, penipuan dokumen vendor, penjaga safehouse, rasuah syarikat penerbangan dan pekerja-pekerja syarikat bas, dan rasuah pegawai-pegawai. Walaupun banyak kumpulan penyeludupan pendatang asing yang sangat khusus, keuntungan yang semakin meningkat ini perniagaan jenayah telah meningkat penglibatan sindiket polycrime yang lebih besar (Reuters, 2001). Antara yang kartel yang tergolong dalam kategori adalah Mara Salvatrucha (MS-13). Mara Salvatrucha (biasa dipendekkan MS, Mara, dan MS-13) adalah transnasional kumpulan jenayah yang berasal dari Los Angeles dan telah merebak ke Amerika Tengah. Majoriti geng itu etnik terdiri daripada rakyat Amerika Tengah dan aktif di kawasan bandar dan pinggir bandar. Ahli-ahli MS membezakan diri mereka dengan tatu yang meliputi badan dan juga sering muka, serta penggunaan mereka sendiri bahasa isyarat . Mereka terkenal untuk kegunaan mereka keganasan dan subbudaya kod moral yang kebanyakannya terdiri daripada membala dendam tanpa belas kasihan dan kejam. MS terlibat dalam perdagangan orang di Amerika Tengah melalui kepulauan Caribbean. MS lazimnya menperdagangkan orang bagi tujuan pelacuran. Menurut Washington post, MS menggunakan laluan laut melalui Cuba dan terus ke Miami di Amerika Syarikat sebagai laluan perdagangan orang (Johnson, 2006).

Pemberontak Dalam Negeri Dan Organisasi Pengganas (Domestic Insurgent And Terrorist Organizations)

Amerika selatan dan tengah adalah tersendiri dalam pertindihan berulang dan luas gerangan-gerakan yang menganut matlamat revolusioner dengan operasi jenayah transnasional. Internet dan media sosial moden membenarkan pergerakan jenayah besar-besaran untuk mengembangkan aktiviti mereka di luar penculikan, peras ugut, dan mengedar dadah, senjata, dan rakyat, termasuk penipuan, cetak rompak, kecurian maklumat, penggodaman, dan sabotaj (Ramón J. Miró, 2003). Antara yang kumpulan yang tergolong dalam kategori ini adalah Angkatan Revolusi Tentera Rakyat Colombia (Bahasa Sepanyol: *Fuerzas Armadas Revolucionarias de Colombia-Ejército del Pueblo, Farc-EP dan FARC*). FARC adalah organisasi Marxsis-Lenin yang terlibat dalam konflik bersenjata berterusan di Colombia. Sejak tahun 1964 FARC mempunyai tuntutan untuk menjadi tentera petani dengan platform politik agrarianism dan anti-imperialisme diilhamkan oleh Bolivarianism. Operasi FARC dibiayai oleh penculikan untuk wang tebusan , perlombongan emas , dan pengeluaran dan pengedaran dadah (Livingstone, 2004). Kekuatan angkatan FARC adalah tidak dapat ditentukan; pada tahun 2007, FARC berkata mereka sebuah kuasa tentera 18,000 lelaki dan wanita; tahun 2010, tentera Colombia mendakwa bahawa angkatan FARC terdiri daripada kira-kira 13,800 orang ahli, 50 peratus daripadanya adalah pejuang gerila bersenjata, dan, pada tahun 2011, Presiden Colombia, Juan Manuel Santos berkata angkatan FARC terdiri lebih sedikit daripada 10,000 ahli. Menurut laporan dari Human Rights Watch , kira-kira 20-30% daripada rekrut di bawah umur, yang kebanyakannya terpaksa menyertai FARC. Angkatan gerila FARC berpusat adalah di kawasan tenggara 500,000 kilometer persegi Colombia (190,000 batu persegi) daripada hutan ,di dataran di pangkal Andean rantaian gunung dan di barat laut Colombia. Walau bagaimanapun, pada tahun 2010 FARC hilang kawalan wilayah, memaksa mereka untuk menyembunyikan terutamanya di kawasan pedalaman di dalam hutan (Livingstone, 2004). FARC telah diklasifikasikan sebagai pertubuhan pengganas oleh kerajaan Colombia, Amerika Syarikat, Kanada, Chile, New Zealand, dan Kesatuan Eropah; manakala kerajaan-kerajaan Venezuela, Brazil, Argentina, Ecuador, dan

Nicaragua tidak menganggap FARC sebagai kumpulan pengganas.. Juan Manuel Santos , Presiden semasa Colombia, telah mengikuti jalan tengah dengan mengiktiraf pada tahun 2011 bahawa terdapat "konflik bersenjata dengan FARC" di Colombia walaupun pemimpin terdahulu, Alvaro Uribe , sangat tidak bersetuju(Livingstone, 2004).

CARA KEGANASAN, TAKTIK, TEKNIK DAN PROSEDUR YANG DIGUNAKAN OLEH DTO

DTOs melalui kumpulan penguatkuasaan mereka, melibatkan diri dalam aktiviti yang serupa atau sama dengan organisasi pengganas asing. Berikut adalah beberapa contoh ini yang berkaitan dengan tindakan DTO yang mencerminkan definisi keganasan (Fraser, 2008).

Pembunuhan

Pembunuhan dirancang biasanya disasarkan kepada penguatkuasa undang-undang atau ahli-ahli kerajaan tempatan dan orang awam yang mempunyai hubungan perdagangan dadah turut dijadikan sasaran. DTO juga menjadikan ketua-ketua polis, datuk bandar, dan pegawai kerajaan peringkat pertengahan hingga peringkat kanan sebagai sasaran dan selalunya berjaya (Fraser, 2008). Contohnya, Pada 15 Ogos 2008, dua orang pegawai polis cedera dalam cubaan membunuh secara jelas di Puebla, di mana lelaki bersenjata menembak lebih daripada lapan puluh pusingan. Beberapa laporan menunjukkan pegawai-pegawai polis tersebut adalah pengawal peribadi untuk Timbalan peguam negeri (UNODC, 2010). Selain itu, Pada 22 Disember 2009, badan Luis Francisco Cuellar , Gabenor Caqueta , ditemui, sehari selepas dia telah diculik dari rumahnya di Florencia, Caqueta. Pegawai Polis berkata, penculikan dan pelaksanaan telah dijalankan oleh FARC. Menurut pegawai Polis, dia telah dibunuh tidak lama selepas penculikan. Penculik dipotong tekak gabenor kerana mereka mengelak pasukan keselamatan. Dalam satu kenyataan disiarkan di radio, gabenor yang bertindak, Patricia Vega, berkata, "saya tidak lagi mempunyai apa-apa keraguan bahawa Farc telah dilakukan sekali lagi." FARC mendakwa bertanggungjawab untuk penculikan Cuellar dan pembunuhan pada bulan Januari 2010. Kumpulan itu berkata bahawa mereka menculiknya untuk "meletakkan beliau pada percubaan untuk rasuah" dan menyalahkan kematiannya pada satu percubaan untuk menyelamatkan dia dengan kekerasan (UNODC, 2010).

Hukuman Mati. (Executions)

DTO menggunakan hukuman mati yang mengerikan untuk menakut-nakutkan pesaing mereka, kerajaan, dan orang ramai. Sesetengah penganalisis berpendapat taktik seperti pancung adalah serupa dengan keganasan kerana sebahagian daripada matlamat untuk menakut-nakutkan orang awam supaya mereka akan menekan kerajaan untuk menyokong mereka (Diane, 2006). Antara 1 Januari dan 1 Jun 2011, terdapat 923 kes pembunuhan sengaja di bandar Cali, yang dianggap peningkatan 5% berbanding tahun 2010. Peningkatan dalam keganasan di Cali pada tahun 2011 telah sebahagiannya telah dikaitkan dengan apa yang telah digambarkan sebagai berterusan 'perang' antara kumpulan dadah Los Rastrojos dan Los Urabeños. Los Rastrojos dianggap 'waris' daripada Cali Cartel dan Los Urabeños mempunyai akar mereka di pantai Atlantik Colombia. Los Rastrojos dituduh melakukan sekurang-kurangnya 80 pembunuhan di Cali pada tahun 2011(Diane, 2006).

Penculikan

Menjelang Julai 2005, FARC sahaja mempunyai anggaran 2500 diculik orang awam, tanpa termasuk bilangan anggota perkhidmatan tentera atau pegawai kerajaan. Kumpulan separa tentera telah dianggarkan telah diculik 500 orang antara tahun 1996 dan 2004. Organisasi gerila biasanya menuntut wang tebusan, manakala kumpulan separa tentera amnya menggunakan amalan itu sebagai satu cara keganasan atau paksaan. Sejak tahun 1970-an penculikan di Colombia beransur-ansur meningkat sehingga tahun 2001. Pada tahun 2000 sahaja jumlah orang diculik di Colombia meningkat kepada 3572. Nombor ini menurun secara berterusan pada tahun-tahun berikutnya, mencapai 687 penculikan pada tahun 2006. Statistik terkini untuk tahun 2009 (Januari-Okttober) [dari Colombia Polis] menunjukkan ia telah jatuh kepada 172 kes. Di sebalik penurunan ini agak besar dalam bilangan penculikan selepas 2001, jumlah mangsa terus menjadi salah satu yang tertinggi di dunia. Pada tahun 2010 jumlah penculikan meningkat kepada 282 kes. Peningkatan penculikan pada tahun 2010 dan 2011 adalah disebabkan oleh kumpulan jenayah seperti Los Rastrojos(Dammert & Malone, 2006).

Menggunakan Senjata Canggih.

Menurut Bill Newell, ejen utama yang bertanggungjawab di Phoenix Field Division Of The Bureau Of Alcohol, Tobacco, Firearms And Explosives (ATF) senjata yang selalu digunakan oleh DTOs' termasuk varian AK-47 dan AR-15, senapang sniper berkaliber dan sepucuk pistol buatan Belgium dipanggil "pembunuhan polis" atau "*mata policia*" (Ross & Esposito, 2008). Contohnya, Pada 11 Ogos 2008, tiga lelaki yang memandu di lebuh raya di Durango meninggal dunia apabila mereka ditembak oleh sekumpulan lelaki bersenjatakan rifles (Ross & Esposito, 2008). Selain itu, Pada 18 Ogos, 2008 di Ciudad Juarez, lelaki bersenjata dan bertopeng telah menembak dan membunuh dua beradik. Pada hari yang sama, tiga lelaki meninggal dunia dan seorang wanita dan suaminya cedera apabila lelaki bersenjata bersenjatakan senapang automatik melepaskan tembakan di sebuah majlis perkahwinan di Buenos Aires (Ross & Esposito, 2008). Manakala, Pada 24 Ogos 2008, seorang pegawai polis di Culiacan, Sinalo meninggal dunia selepas sekurang-kurangnya seorang lelaki bersenjata yang bersenjatakan raifal tempur menembaknya beberapa kali (Ross & Esposito, 2008).

Taktik Menakutkan (Fear Mongering)

Ketakutan akibat keganasan berkaitan dengan DTO telah merebak cepat sekali ke seluruh Amerika Selatan dan Caribbean. Orang kaya disini menaiki kenderaan anti peluru, memakai pakaian pelindung, dan mengubah pengawal peribadi. Sesetengah orang kaya mempunyai mikrocip yang dimasukkan ke dalam lengan mereka supaya boleh dikesan apabila mereka telah diculik oleh DTO. Kain rentang diletakkan di kawasan awam telah menjadi alat ugutan dan sering digunakan untuk mengancam keganasan terhadap individu (Briceño-León, 2001.).

Persamaan dengan Penganas Tradisional

Tindakan ganas yang dilakukan oleh DTOs dan penguasa kuasa mereka kini dilihat sebagai perbuatan jenayah. Perbuatan mereka adalah sama dengan perbuatan yang dilakukan oleh penganas tradisional kumpulan seperti al-Qaeda, FARC, dan Provisional Irish Republican

Army (API). Penguat kuasa DTO menggunakan hukuman pancung semasa membunuh pesaing atau musuh-musuh mereka. DTOs terlibat dalam taktik insurgentstyle terhadap tentera, dan penguatkuasa undang-undang, dan orang awam sama seperti FARC di Colombia. DTOs telah berjaya membunuh pegawai-pegawai kerajaan dan pegawai penguat kuasa undang-undang, seperti IRA di tahun 1970-an dan 1980-an. Paling penting, matlamat semua kumpulan-kumpulan ini adalah sama-menakut-nakutkan penduduk dan mengubah pendirian kerajaan (Insightcrime, 2014).

ANALISIS IMPAK DTO KEPADA KESELAMATAN INSAN

Keselamatan Politik

Dadah telah mengubah scenario politik semasa rantau Latin Amerika kerana kesan dari segi pengambilan rasuah yang mengancam ketelusan dan integriti dalam perlantikan ahli politik. Menurut DEA (2004) keadaan ini dapat dilihat dari kes rasuah di negara Panama pada tahun 1992 apabila Presiden Noreil Ortega telah menerima suapan berjumlah RM 18 juta bagi pengedaran dadah ke Amerika Syarikat yang akhirnya membawa kepada penangkapan beliau dan telah diekstradisi ke USA yang seterusnya diperjalankan selama 40 tahun. Di Bolivia pula pada 1991 ketua bagi unit anti dadah negara telah terpilih dari pengedar terbesar negara itu Rici Toro yang akhirnya juga membawa kepada penangkapan beliau dan seterusnya di penjarakan di USA(Paul Stares, 2008). Kes terbaru yang kita dapat lihat ialah kejadian serangan dan keganasan yang melibatkan anggota polis Mexico yang seterusnya membawa kepada perletakan jawatan Ketua Polis Mexico Februari lalu akibat tekanan dari ugutan untuk membunuh seorang anggota polis setiap hari jika beliau tidak berundur. Sebelum itu Ketua Polis Acapulco iaitu sebuah bandar peranginan di Mexico telah ditangkap rasuah membabitkan dadah dan siasatan menunjukkan bahawa 20% anggotanya terbabit sama dengan rasuah berkaitan dadah. Ini menunjukkan jentera kerajaan dan politik telah diresapi oleh kumpulan cartel iaitu geng pengedar dadah yang telah membeli mereka ini supaya aktiviti haram tersebut tidak terjejas (Marc Lacey, 2008).

Di samping itu akibat dari penglibatan aktif Amerika Syarikat dalam Perang Melawan Dadah (*War on Drugs*) telah menjelaskan kedaulatan rakyat rantau itu. Cameron Thies (2005) mengatakan Amerika Syarikat bahawa menekan negara-negara rantau supaya menubuhkan unit khas tentera bagi melawan cartel dadah. Ini kerana pasukan polis dikatakan korup. Amerika Syarikat telah menghantar bantuan yang banyak serta unit tentera khas *Green Beret* bagi melatih tentera khas ini. Bagaimanpun perkara ini adalah disifatkan melanggar hak masyarakat tempatan kerana tentera khas ini menjalankan penguatkuasaan undang-undang awam (*Militarization Of Laws*). Ini menimbulkan bantahan politik dari orang ramai kerana kekasaran melebihi batas hak asasi yang ditunjukkan dalam usaha membentera dadah. Disamping itu juga tindakan Amerika Syarikat yang memasuki ruang angkasa rantau dalam menjalankan intipan dadah telah mencabuli hak kedaulatan rakyat dan negara serantau walaupun dengan niat yang baik.

Menurut David Mares (2001) Jabatan *Drugs Enforcement Agency* (DEA) Amerika Syarikat telah menggelarkan Mexico sebagai narco-demokrasi kerana aktor dadah sama kuat aktor negara semenjak 1986. 16,000 orang mati ditembak dlm dua puluh tahun bersabit kes dadah. Ada sebanyak 150 cartel di Mexico yang berkait rapat dengan 30 cartel di Amerika Syarikat. Amerika Syarikat telah menggelarkan kartel ini sebagai *Narcoterrorist* (Ramón J. Miró, 2003).

Berdasarkan bahasa yang keras itu mungkinkah USA pada satu tahap di masa akan datang akan mengambil tindakan lebih tegas dengan menggunakan ketenteraan untuk menyerang pengedar di negara ini ? . Tambahan pula rantau itu adalah pengeluar dadah utama berbanding rantau lain. Semua ini sudah tentu akan mungkin menimbulkan huruhara dan ancaman kepada keselamatan rakyat seluruh rantau kerana mungkin mencetuskan perang.

Keselamatan Ekonomi.

Dadah telah memberi kesan yang amat besar kepada ekonomi serantau samada dari segi positif dan negatifnya. Dari segi kasarnya memang dadah membawa keuntungan kepada negara-negara pengeluar seperti Colombia, Peru, Ecuador, dan negara transit seperti Mexico. Peru umpamanya jumlah ekspot dadahnya merupakan 30% dari jumlah ekspot dagangannya. Manakala 20% Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Bolivia datang dari hasil dadah yang membekalkan 20% pekerjaan (John Arquilla & David Ronfeldt, 2001). Dadah telah memberi hasil lumayan kepada Colombia dengan menyumbang RM 13 Billion . Pada 1994 sebanyak RM\$30 billion hasil dadah telah disumbangkan ke Mexico yang merupakan 20% KNK dan memberi pekerjaan kepada 360,000 orang. Semua statistik ini membuktikan yang betapa tertariknya penglibatan dalam pengeluaran dadah yang dikatakan jika pengeluaran 10% ditingkatkan, maka kesannya akan meningkatkan 2% KNK dan penurunkan 6% pengangguran (Manuel Roig-Franzia, 2007).

Bagaimanapun negara-negara rantau menghadapi kesan sampingan yang lebih buruk. Pengedar dadah hanya tertumpu untuk melibatkan dalam spekulasi harta tanah seperti hotel dan kediaman di bandar serta pembeliaan ladang di pendalaman. Dengan ini menimbulkan huruhara kepada rakyat kerana mereka tidak dapat mengatasi persaingan dengan pemodal dadah yang menyebabkan terpaksa berpindah ke pinggir bandar. Ladang tradisi juga yang selama ini membekalkan hasil pertanian tidak lagi berupaya mengeluarkan kasil pertanian kerana tanah pertanian telah dibeli oleh kartel, keluaran pertanian merosot dan menyebabkan pergantungan penduduk kepada makanan luar (Richard Marosi, 2008). Kegiatan penggubahan wang haram juga melemahkan persaingan sihat dalam perniagaan kerana banyak syarikat terpaksa ditutup kerana cartel akan memulakan perniagaan dengan memberi potongan harga yang di luar kemampuan syarikat yang asli (Strategic Forecasting, 2008).

Menurut United Nations Office on Drug and Crime (2005) kerajaan di rantau itu juga membelanjakan wang yang amat banyak bagi mengatasi masalah ini .Colombia umpamanya menyediakan peruntukan sebanyak 2% dari bajet tahunan bagi membentras dadah dan ini amatlah jauh lebih besar dari USA umpamanya yang hanya memperuntukan 0.3% sahaja. Mexico juga terpaksa menubuahkan tentera khas seramai 20,000 dan semua ini membebankan negara-negara yang majoritinya adalah negara miskin yang memerlukan bajet tahunan untuk pembangunan dan pelajaran insan. Menurut Anthony Harriott (2006), kebanyakan negara di rantau itu yang kaya tetapi kerana agihan perbelanjaan yang tinggi terhadap pertahanan menyebabkan ianya tidak mencetuskan aktiviti yang dapat meningkatkan keselamatan penduduk iaitu insan.

Keselamatan Kesihatan

Daun koka yang dahulunya makanan tradisi adalah tidak mengandungi toksin kerana ianya diambil dalam jumlah yang kecil tetapi selepas proses penulinan ianya adalah amat berbahaya

kepada kesihatan jika disalahgunakan. Ianya akan mengakibatkan pengguna menjadi berani dan aktif dan mampu melakukan jenayah tanpa rasa takut kerana ianya bersifat stimulant. Kesan pengambilan berlebihan juga akan membawa kepada maut. Menurut Ioan Grillo (2011) dianggarkan seramai hampir 3% penduduk rantau itu adalah mengambil dadah dan sudah tentu melibatkan kos kesihatan yang tinggi kepada negara. Kesan pencemaran dari perkongsian jarum juga akan menyebabkan penyakit AIDS merebak dan memusnahkan ekonomi keluarga di rantau itu. Keluarga akan hilang tempat bergantung jika si bapa umpamanya tidak dapat bekerja dan ini menyebabkan kesengsaraan yang berpanjangan kepada institusi keluarga.

Dalam usaha kerajaan di Amerika Latin membasmikan kawasan penanaman koka umpamanya sejenis ubatan bernama *Tebutioron* dan *Asid Sulfuric* telah disembur dari udara yang akan memusnahkan pokok koka dan pokok renek yang lain. Ini akan menyebabkan fauna dan flora turut terhapus yang mengakibatkanimbangan ekologi terjejas. Di samping itu juga sungai-sungai akan tercemar dengan racun kimia itu yang merupakan punca utama air untuk pertanian dan minuman harian penduduk. Tindakan yang drastik ini sebenarnya tidaklah efektif untuk membasmikan kawasan dadah kerana berdasarkan kajian menunjukkan jika 90% pertanian koka termusnah, baki 10% yang terselamat masih lagi mampu menampung kos penanaman dan memberi untung (Ribando Seelke, 2010).

KESIMPULAN

Dadah amatlah merbahaya kepada keselamatan insan kerana kesannya kepada manusia telah terbukti. Pengedar dadah mampu melantik pemimpin dan jentera kerajaan yang korup yang akan gagal memerintah dengan baik yang menyebabkan perancangan untuk kebaikan insan tidak berjalan dengan baik. Bajet untuk meningkatkan ekonomi, kesihatan dan pelajaran rakyat terpaksa dilenceng kepada perbelanjaan kesihatan pesakit akibat pegambilan dadah dan membenteras pengedaran dadah, ini amatlah merugikan rakyat. Rantau tersebut yang sememangnya miskin akan terus hidup dalam kesusahan dan hasrat Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) supaya tujuh perkara asas yang akan menjamin keselamatan insan tidak akan dirasai oleh rakyat. Kesemua kesan keselamatan terhadap politik, ekonomi dan kesihatan akan memberi impak yang segera kepada keselamatan insan. Jika insan yang selama ini mendokong kekuatan negara maka negara yang mempunyai insan yang musnah akibat dadah maka akan melemahkan keselamatan negara itu sendiri dan seterusnya akan mengkucar-kacirkan keselamatan rantau itu sendiri

RUJUKAN

- Brian Ross and Richard Esposito (2008) US Guns Arming Mexican Drug Gangs; Second Amendment to Blame? [Cited 20 Oktober 2016]. Available from: <http://abcnews.go.com/Blotter/Story?id=469584&page=1>.
- Briceño-León, Roberto. 2001. Dimensions and Constructions of Violence in Latin America. *Acta Científica Venezolana* 52 (2): 170–77.
- Coletta Youngers, Eileen Rosin, et al, (2005) *Drugs and democracy in Latin America: the impact of U.S. policy*. New York. Lynne Rienner Publishers..

Dammert, Lucía, and Mary Malone. (2006) Does It Take a Village? Policing Strategies and Fear of Crime in Latin America. *Latin American Politics and Society* **18** (4): 27–51.

David Rondfeldt and John Arquilla (2001) Emergence and Influence of the Zapatista Social Netwar. [Cited 20 Oktober 2016]. Available from: <http://www.rand.org/publications/MR/MR1382/>

Davis, Diane (2006) The Age of Insecurity: Violence and Social Disorder in the New Latin America. *Latin American Research Review* **41** (1): 178–97.

“FARC” [Cited 20 Oktober 2016]. Available from: <http://www.insightcrime.org/groups-colombia/paisas&usg=ALkJrhhoUf3QYQBiVj2KpMPvrK9TBhwwQ>

Gerardo Caetano, (2005) Regional Seminar on Parliamentary Oversight of the Security Sector in Latin America. [Cited 20 Oktober 2016]. Available from: <http://www.ipu.org/Splze/montevideo.htm>

Grillo, Ioan (2012) *El Narco: The Bloody Rise of Mexican Drug Cartels*. Bloomsbury Publishing

Harriott, Anthony. 2006 *Security Reform in the Caribbean and Latin America Contrasted*. Santiago.

Harun Yahya, (2003) *Only Love Defeat Terrorism*, United Kingdom: Global publishing

Holmes, Jennifer S., Sheila Amin Gutierrez de Pineres, and Kevin M.Curtin (2009) *Guns, Drugs, and Development in Colombia*. Austin, University of Texas Press

Johnson, Kevin (2006). "Always on guard in Nuevo Laredo". [Cited 20 Oktober 2016]. Available from: <http://www.usatoday.com/>

Livingstone, Grace (2004) *Inside Colombia: Drugs, Democracy, and War*. Rutgers .Rutgers University Press.

Longmire, Sylvia M. (2008) Redefining Terrorism: Why Mexican Drug Trafficking is More than Just Organized Crime. *Journal of Strategic Security* **1**(1), 35-52.

Lynn V. Foster (2004) *A Brief History Of Mexico*. Wahsington, Infobase Publishing

Malcolm Fraser. (2008). *Latin America Drug II*. Latin America Report No. 26. Bogata. International Crisis Group Working To Prevent Conflict Worldwide.

Manuel Roig-Franzia (2007) US Guns Behind Cartel Killings in Mexico. [Cited 20 Oktober 2016]. Available from:http://www.washingtonpost.com/wpdyn/content/article/2007/10/28/AR2007102801654_pf.html.

- Marc Lacey (2008) Drug Violence Alters the Flow of Life in Mexico [Cited 20 Oktober 2016]. Available from : http://www.nytimes.com/2008/08/31/world/americas/31mexico.html?pagewanted=1&_r=1&ref=world.
- Mares, David R. 2001. *Violent Peace in Latin America*. New York. Columbia University Press
- Paul Kaihla, (2002) The Technology Secrets of Cocaine Inc. [Cited 20 Oktober 2016]. Available from: <http://www.business2.com/articles/mag/0,1640,41206,00.html>
- Paul Stares (2008) New and ‘Non-Traditional’ Challenges [Cited 20 Oktober 2016]. Available from : www.unu.edu/millennium/stares.pdf
- Peter Hakim (2006) Is Washington Losing Latin America?. [Cited 20 Oktober 2016]. Available from : <https://www.foreignaffairs.com/articles/south-america/2006-01-01/washington-losing-latin-america>
- Ramón J. Miró. (2003). *Organized Crime And Terrorist Activity In Latin America, 1999-2002*. Washington, D.C. Library of Congress.
- Ramón J. Miró. (2003). *Organized Crime And Terrorist Activity In Mexico, 1999-2002*. Washington, D.C. Library of Congress.
- Ribando Seelke et al (2010) Latin America and the Caribbean: Illicit Drug Trafficking and U.S. Counterdrug Programs [Cited 20 Oktober 2016]. Available from: http://assets.opencrs.com/rpts/R41215_20100430.pdf
- Richard Marosi, (2008) Tijuana's elite flee to San Diego County to escape kidnapping and violence in Mexico. [Cited 20 Oktober 2016]. Available from: <http://www.latimes.com/news/local/immigration>
- Reuters (2001) Study Says Mexico Migrant Traffic Is a \$300 Million a Year Trade, [Cited 20 Oktober 2016]. Available from: <http://www.usbc.org/info/crime/0601trade.htm>
- Siti Mariam Md.Zain, *Apa Motif Penculikan?*, Utusan Malaysia, 22 Mei 2005.
- Steven W. Casteel, (2003) Narco-Terrorism: International Drug Trafficking and Terrorism—a Dangerous Mix.". [Cited 20 Oktober 2016]. Available from: <http://www.usdoj.gov/dea/pubs/cngrtest/ct052003.html>
- Strategic Forecasting, (2008) Mexico Security Memo [Cited 20 Oktober 2016]. Available from : http://www.stratfor.com/analysis/mexico_security_memo_aug_30_2008.
- Terrorism Research, (2014) Differences between Terrorism and Insurgency [Cited 20 Oktober 2016]. Available from : <http://www.terrorism-research.com/insurgency/>

Thies, Cameron. 2005. War, Rivalry, and State Building in Latin America. *American Journal of Political Science* **49** (3), 451–65

Tom Diaz (2009) *No Boundaries: Transnational Latino Gangs and American Law Enforcement*. Ann Arbor, Mich, University of Michigan Press.

United States Drug Enforcement Administration, DEA Briefs: Dallas Field Division Wanted List. [Cited 20 Oktober 2016]. Available from: <http://www.usdoj.gov/dea/fugitives/dallas/rubio.htm>

UNODC (2010) “Cartel kills” [Cited 20 Oktober 2016]. Available from: <http://www.unodc.org/southerncone/en/frontpage/2010/06/22-unodc-mostra-tendencias-divergentes-do-cultivo-de-coca-nos-paises-andinos.html>

World Drug Report 2005 [Cited 20 Oktober 2016]. Available from: <https://www.unodc.org/unodc/en/data-and-analysis/WDR-2005.html>

Azrul Azlan Abdul Rahman is a Phd Candidate at Institute Of The Malay World And Civilisation (ATMA), National University of Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. Email: azrulazlan89@yahoo.com.my

Muhammad Farhan Zulkifli is a Master graduate from Strategic Studies and International Relations Program at the Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia. Currently he continues his studies at Ribath Jeel Salamah. He can be contacted through email at annaqshahmadi@gmail.com